

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1988/89

EBS 216/3 UKUR II

Tarikh: 25 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi LAPAN mukasurat bercetak dan SATU mukasurat lampiran untuk jawapan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab mana-mana LIMA soalan. Semua soalan mempunyai markah yang sama dan ianya MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.
3. Jalan-jalan kerja dan jawapan untuk semua peringkat kiraan mesti ditunjuk hingga ketepatan 3 titik perpuluhan (to the third decimal place).
4. Mesin pengira tanpa keupayaan program (Electronic non-programmable calculator) boleh digunakan.

Soalan 1

- a) Nama dan lakarkan paksi-paksi yang terdapat pada sebuah tirodolit.
(3 markah)
- b) Sebuah tirodolit optik telah digunakan untuk kerja-kerja ukur selama 10 tahun. Kebelakangan ini didapati, tirodolit tersebut tidak dapat diaraskan dengan betul.
- Kedudukan aras gelembung atau aras spirit berada 4 mm kekiri ketika aras, dan setiap kali cerapan sudut ufuk dibuat, ia menghasilkan perbezaan penyilang kiri dan penyilang kanan sebanyak $01'40''$. Sebutkan jenis-jenis pelarasan tetap yang perlu dibuat dan perkara asas yang harus diperbetulkan pada tirodolit tersebut. Terangkan juga bagaimana pelarasan tersebut dibuat.
(14 markah)
- c) Apakah data-data atau cerapan-cerapan yang boleh diperolehi di dalam kerja ukur lombong yang menggunakan gabungan alat tirodolit elektronik dengan sistem pengukur jarak elektronik (EDM).
(3 markah)

Soalan 2

a) Bagaimana cara kerja ukur perlu dijalankan untuk menghasilkan sudut dalam di dalam sesuatu terabas tertutup.

(2 markah)

b) Berikut adalah data-data untuk satu terabas tertutup ABCDEFGA.

| Garisan | Jarak (m) | Latit | Dipat |
|---------|-----------|---------|---------|
| AB | 103.40 | -102.55 | -13.27 |
| BC | 157.25 | -156.48 | -15.59 |
| CD | 143.36 | - 80.27 | +118.78 |
| DE | 169.08 | +131.85 | +105.85 |
| EF | 176.74 | +169.13 | + 51.32 |
| FG | 110.60 | + 30.37 | -106.35 |
| GA | 140.83 | + 7.88 | -140.61 |

- i) Dapatkan tikaian Lurus untuk terabas tersebut.
- ii) Laraskan terabas dengan hukum Bowditch.
- iii) Hitungkan keluasan terabas dengan cara kodinit di mana kodinit-kodinit stesen A adalah U. 2000.00 T. 1000.00

Sila jawab di dalam Lampiran 1.

(18 markah)

...4/-

Soalan 3

- a) Anda ditugaskan untuk menentukan kecerunan sebuah lombong dedah dengan kaedah ukur Takimetri.

Kerja ukur dijalankan dengan membuat cerapan pada setaf yang berkedudukan tegak.

Berpandukan kepada formula asas stadia, iaitu $D = Ks + C$, tunjukkan bagaimana anda boleh mendapat formula untuk jarak ufuk (H) dan jarak pugak (v).

Apakah bacaan-bacaan yang perlu diambil di dalam kerja ukur ini.

(10 markah)

- b) Di dalam menentukan kecerunan garis AB dengan menggunakan cara palang subten, berikut adalah nilai-nilai sudut yang diperolehi.

| Bacaan | Sudut Ufuk | Panjang Palang | Sudut Pugak |
|---------|----------------------|----------------|------------------|
| Pertama | $3^{\circ} 05' 20''$ | 2m | $26^{\circ} 33'$ |
| Kedua | $3^{\circ} 05' 30''$ | 2m | $26^{\circ} 34'$ |
| Ketiga | $3^{\circ} 05' 40''$ | 2m | $26^{\circ} 35'$ |

- i) Dapatkan jarak ufuk (H) dan jarak pugak (v) untuk garis AB.
ii) Berapakah kecerunan AB dalam bentuk nisbah.

(10 markah)

Soalan 4

- a) Terangkan secara terperinci bagaimana sesuatu proses permintaan ukur (p.u) dikendalikan sehingga terhasilnya sekeping geran tanah.

Nyatakan juga jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat serta fungsinya sekali.

(10 markah)


- b) Sebuah pelan meliputi sebuah kawasan yang sederhana luasnya dikehendaki dengan segera.

Kawasan tersebut mengandungi pembinaan-pembinaan yang pesat dan banyak tumbuhan-tumbuhan di mana penglihatan adalah terhad.

Anda dikehendaki menghasilkan pelan tersebut dengan cara ukur meja. Apakah kaedah ukur meja yang paling praktik pada fikiran anda dan jelaskan caranya. Terangkan juga cara untuk mengambil butiran-butiran jelas dan butiran-butiran terhad untuk kawasan tersebut.

(10 markah)

Soalan 5



Diberi,

$$\angle 1 = 72^\circ 16' 51''$$

$$\angle 2 = 45^\circ 54' 48''$$

$$\angle 3 = 26^\circ 31' 15''$$

$$\angle 4 = 72^\circ 09' 42''$$

Gambarajah menunjukkan satu rancangan kawalan penigasudutan untuk sebuah lombong dedah. Garis DC merupakan garis asas dan telah diukur dengan pita invar dalam 4 bahagian.

Berikut adalah data-data yang diperolehi

| Bahagian | Jarak diukur (m) | Suhu ${}^{\circ}\text{C}$ | Beza tinggi (m) | Tegangan (N) |
|----------|------------------|---------------------------|-----------------|--------------|
| 1 | 29.8689 | 18 | -0.064 | 178 |
| 2 | 29.9012 | 18 | -0.374 | 178 |
| 3 | 29.8924 | 22 | +0.232 | 178 |
| 4 | 29.9694 | 22 | -0.238 | 178 |

Jisim bagi pita yang digunakan adalah 0.026 kg/m dan luas keratan rentasnya pula 3.24 mm^2 . Pita yang digunakan telah dipiawaikan pada suhu 20°C pada tegangan 89N . Angkali pengembangan bagi pita adalah $0.0000009/\text{ }^{\circ}\text{C}$ dan Modulus keanjalan Young ialah $15.5 \times 10^4 \text{ MN/m}^2$. Purata aras bagi garis asas adalah 26.89 m di atas purata aras laut. Jejari bumi ialah $6.367 \times 10^6 \text{ m}$.

- Dapatkan panjang sebenar garis asas DC pada aras laut.
- Dengan menggunakan formula geometri, hitungkan panjang garis DA dan CB. Nilai-nilai sudut yang diberi adalah sudut muktamad, iaitu sudut yang telah dilaraskan.

Soalan 6

- a) Cerapan suria atau tilikan matahari perlu dibuat pada satu sisi rangkaian penigasudutan untuk mendapatkan azimut.

Terangkan dengan jelas aturcara mencerap suria pada sisi tersebut boleh dibuat.

(10 markah)

- b) Data-data untuk tilikan matahari pada 30hb. Nov, 1988 adalah seperti berikut:-

Jarak kutub (P) sebagai $103^{\circ} 11' 43''$

Garis Lintang (ϕ) sebagai $03^{\circ} 04' 48''$

Tinjau dilaras (α) sebagai $23^{\circ} 11' 04''$

Dapatkan Azimut Matahari yang dikira, dengan menggunakan formula 'kosinus azimut'.

(5 markah)

- c) Seterusnya, dapatkan nilai bering gerid tanda rujukan (T.R) dengan menggunakan nilai-nilai cerapan seperti berikut.

Azimut yang ditilik (purata ke matahari) = $105^{\circ} 48' 30''$

T.R yang ditilik (purata ke T.R) = $210^{\circ} 00' 20''$


Anggapkan bahawa pembetulan untuk aras gelembung dan tirusan sebagai sifar (± 0).

(5 markah)

...8/-

Soalan 7

- a) Sistem penigasegian 'shoran' menggunakan gelombang meter untuk mengukur jarak di antara sebuah kapal terbang dengan dua buah stesen di bumi. (lihat rajah).




Terangkan secara ringkas bagaimana jarak rentas di antara dua buah stesen di bumi itu ($D_A - D_B$) boleh dihasilkan melalui sistem ini.

(5 markah)

- b) Di beri kodinit-kodinit untuk titik A dan B sebagai

| | <u>Utaraan</u> | <u>Timuran</u> |
|---|----------------|----------------|
| A | 13815 | 4619 |
| B | 13076 | 6107 |



Kira bearing dan jarak AB

Seterusnya cari kodinit untuk titik C
jika diberi bearing dari

B ke C ialah $251^{\circ} 06'$

A ke C ialah $212^{\circ} 51'$

(15 markah)

BORANG HITUNGAN LATIT /DIPAT

Dihitung oleh: _____
Tarikh : _____

Disemak oleh: _____
Tarikh : _____